

11/02/1998

Jual barang kemas pada Bank Islam

Rosmin Darus

BANK Islam adalah institusi kewangan yang berkemahiran jika ada pihak terutama wanita yang ingin mencagarkan barang kemas untuk mendapatkan wang tunai bagi tujuan pelaburan.

Institusi itu mempunyai kemahiran dan mekanisme menentukan nilai barangan dengan betul, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Mungkin Bank Islam juga boleh memikirkan satu skim baru untuk urusan pembelian barangan kemas bagi mereka yang ingin menjual terus kepadanya," katanya.

Menurutnya, langkah itu wajar bagi membantu mengelak wanita mengalami kerugian dengan tidak mendapat penilaian atau pulangan terbaik selepas menjual kepada sebarang pihak.

"Saya mencadangkan jika ada wanita yang ingin menukarkan barang kemas kepada kecairan atau menjual barang kemas atau mencagarkan barang kemas untuk mendapatkan wang bagi tujuan pelaburan, berundinglah dengan Bank Islam."

"Ini kerana Bank Islam sudah ada skim menggadai barang kemas sekali gus menunjukkan institusi itu sudah ada kemahiran menilai barang kemas dan mekanisme menentukan nilai sewajarnya," katanya ketika ditemui di pejabatnya, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kerelaan rakyat terutama wanita beberapa negara seperti Korea, Thailand dan Indonesia mendermakan barang kemas mereka untuk membantu memulihkan ekonomi dilihat sebagai pengorbanan yang wajar dicontohi.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut meminta wanita negara ini supaya membantu mengatasi masalah modal yang dialami dengan menggunakan barangan kemas mereka tetapi bukan dengan cara menderma kepada kerajaan sebaliknya menjualnya dan menyimpan hasil jualan di dalam bank atau melaburkannya dalam dana tempatan.

Berikutan itu, ada beberapa pihak yang menawarkan diri untuk menjadi sekretariat kepada kewujudan dana emas dan kempen untuk menjual barang kemas turut diperluaskan.

Rafidah berkata ramai wanita yang enggan menjual barang kemas tetapi hanya mahu pinjaman untuk pembelian saham yang difikirkan menguntungkan.

"Bank Islam sudah ada kemudahan dan kemahiran itu dan sewajarnya diguna oleh wanita bagi mengelak berlaku kerugian," katanya.

(END)